



Pendidikan dan Masa Hadapan Kanak-kanak

MENURUT statistik Jabatan Perangkaan pada tahun 2019, kanak-kanak di Malaysia merangkumi 9.3 juta orang (28.5 peratus) daripada keseluruhan rakyat yang berjumlah 32.6 juta orang.

Banyak pihak yang tidak menyedari bahawa kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun, seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan julat umur ini turut terpakai sehingga peringkat antarabangsa. Daripada perspektif Islam pula, kanak-kanak merujuk seseorang yang belum mencapai usia baligh yang ditentukan menerusi faktor tabii atau had umur.

Walau apa-apa pun definisinya, kanak-kanak merupakan modal insan yang penting kepada negara. Modal insan ini dapat dibangunkan kepada tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Sehubungan dengan

itu, aspek asas, seperti pendidikan, kebebasan bersuara dan perlindungan terhadap kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi perlu diberikan keutamaan.

Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak

Kerajaan telah menandatangani Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak pada tahun 1994 yang menjustifikasikan hak kanak-kanak di bawah umur 18 tahun seperti berikut:

- Hak untuk hidup, membesar dengan sihat, menikmati taraf hidup dan pemeliharaan yang sempurna, serta belaian kasih sayang dalam suasana kekeluargaan.

- Hak untuk mendapat identiti sebagai individu dan warganegara.
- Hak untuk mendapatkan perlindungan daripada kesukaran atau rintangan dalam hidup semasa kecemasan, peperangan, dalam pelarian, dalam keadaan tidak berupaya dan daripada eksploitasi atau jenayah.

Oleh itu, setiap kanak-kanak seharusnya mendapat hak untuk menjalani kehidupan yang baik sehingga usia dewasa. Mereka juga layak mendapatkan perlindungan daripada sebarang ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan. Dengan meratifikasikan konvensyen ini, bermakna kerajaan mengiktiraf peranan dan keperluan kanak-kanak khususnya yang dilahirkan di negara ini. Maka, tiada sebarang bentuk diskriminasi terhadap kanak-kanak bagi mendapatkan perkhidmatan kerajaan sebagaimana warganegara dewasa. Perkhidmatan kerajaan yang diperlukan oleh kanak-kanak merangkumi perkhidmatan kesihatan, iaitu klinik dan perubatan; keselamatan; dan juga keperluan pendidikan yang bermula pada peringkat taman asuhan kanak-kanak, prasekolah, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Antara elemen penting mengenai hak seorang kanak-kanak ialah berkaitan dengan hak untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Selain hal keselamatan dan kesihatan, pendidikan boleh menjamin masa hadapan seorang kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, Perkara 28 di bawah Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak mengiktiraf hak kanak-kanak untuk mendapatkan peluang yang sama dalam bidang pendidikan. Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan menjadikan pendidikan rendah sebagai keperluan wajib dan percuma kepada semua kanak-kanak. Laporan *Adult and Youth Literacy: National Regional and Global*

Trends 1985-2015 yang diterbitkan oleh Institut Perangkaan (UIS), di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengklasifikasikan kadar literasi rakyat Malaysia secara umumnya sudah menjangkau 94.64 peratus.

Sementara itu, kadar enrolmen pelajar sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dicatatkan hampir 4.9 juta orang pada tahun 2018, dengan penambahan sebanyak kira-kira 16 200 orang kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah. Keadaan ini amat positif untuk pembangunan negara apatah lagi kanak-kanak merupakan pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan. Hasil daripada pertumbuhan positif dalam bidang pendidikan, Malaysia berjaya berada pada kedudukan ke-53 negara paling celik huruf seperti yang tersenarai dalam penarafan *World's Most Literate Nations*, iaitu mengatasi jiran serantau seperti Thailand (tangga ke-59) dan Indonesia (tangga ke-60), tetapi masih ketinggalan di belakang Singapura (tangga ke-36).

Di samping itu, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi menjamin hak pendidikan kanak-kanak di negara ini. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- Program Genius (dahulu dikenali sebagai Program Permata Anak Negara).
- Perluasan Pendidikan Prasekolah.
- Menjadikan sekolah sebagai institusi pendidikan mesra pelajar orang kelainan upaya (OKU).
- Pendidikan untuk semua golongan, termasuk kanak-kanak bukan warganegara.

Hak Mendapatkan Pendidikan bagi Kanak-kanak Minoriti dan Marginal

Kadar keciciran pelajaran kanak-kanak di negara ini telah berjaya dikurangkan daripada 0.34 peratus kepada 0.29 peratus pada tahun

2018. Kementerian Pendidikan telah menyasarkan penurunan kepada 0.27 peratus bagi masalah keciciran kanak-kanak sekolah rendah pada tahun 2019. Bagi merealisasikan hasrat untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar sekolah di negara ini, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan, termasuklah dengan mengambil kira keperluan kumpulan kanak-kanak seperti berikut:

- Kanak-kanak Berkeperluan Khas atau golongan OKU.
- Kanak-kanak Orang Asli dan Orang Asal termasuk di pedalaman Sabah dan Sarawak, seperti etnik Murut, Kenyah dan Penan.
- Kanak-kanak jalanan dan gelandangan menerusi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Kuala Lumpur.
- Kanak-kanak yang mempunyai konflik perundangan menerusi Sekolah Tunas Bakti (STB).
- Kanak-kanak pesalah juvana di Sekolah Henry Gurney.
- Kanak-kanak tanpa dokumen dan kewarganegaraan.

Pendidikan juga membolehkan kanak-kanak mengetahui hak mereka serta ruang lingkup hak tersebut. Hal ini sejajar dengan Perkara 12 konvensyen, iaitu kanak-kanak berhak untuk bersuara, merangkumi kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea tanpa mengira sempadan – sama ada secara lisan, bertulis atau cetakan, dalam bentuk lukisan atau melalui apa-apa media lain yang dipilih oleh kanak-kanak. Pada akhirnya, hak pendidikan kepada kanak-kanak dilihat dapat membimbing golongan ini untuk mengembangkan personaliti, bakat, serta kebolehan mental dan fizikal mereka pada tahap potensi yang optimum, di samping memupuk sikap hormat kepada manusia dan alam sejagat.

Hak yang Terbatas

Hak yang diberikan bukanlah bermaksud kanak-kanak bebas melakukan apa-apa sahaja yang mereka mahu lakukan. Seperti yang dinyatakan oleh Pakar Undang-undang Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Profesor Datin Noor Aziah Mohd Awal, bahawa Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak hanyalah satu perundangan yang diluluskan atas dasar persetujuan. Jika terdapat mana-mana peruntukan konvensyen yang bertentangan dengan undang-undang negara, maka perkara dalam konvensyen tersebut boleh ditolak sepenuhnya ataupun diterima dengan reservasi.

Sementara itu Akta Kanak-kanak (Pindaan 2016), yang telah digubal dan diluluskan oleh parlimen diyakini dapat memandu penyertaan Malaysia dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa kekangan pelaksanaan konvensyen yang dibatasi oleh perlembagaan dan beberapa akta lain yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Pada hakikatnya, pendidikan merupakan pemangkin kesejahteraan hidup setiap individu. Pendidikan – sama ada yang diperoleh secara formal mahupun secara tidak formal – bakal menentukan hala tuju seseorang pada masa hadapan. Sebagai indikasi terpenting dalam mengukur kualiti hidup manusia, hak untuk mendapatkan pendidikan perlu diberikan kepada semua golongan tanpa mengira keturunan, bangsa dan agama. Oleh itu, memenuhi hak pendidikan kepada masyarakat semenjak usia kanak-kanak merupakan satu langkah yang bijak demi menjamin masa hadapan negara yang lebih gemilang. Pada masa yang sama, kanak-kanak merupakan modal insan dan khazanah negara yang paling berharga. Kanak-kanak wajar mendapatkan haknya dalam kalangan masyarakat dengan bimbingan golongan dewasa.